

Radar baharu JPS bantu atasi banjir kilat

KUALA LUMPUR - Sistem radar baharu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membolehkan kadar bacaan hujan dilakukan lebih cepat seterusnya membantu mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi JPS, Datuk Hanapi Mohamad Noor berkata, ia melibatkan sistem *Polarimetric Doppler Weather Radar* dari Jepun yang dianggarkan bernilai RM3 juta.

Beliau bagaimanapun berkata, pemasangan radar itu perlu terlebih dahulu dibincangkan dengan pihak Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Radar sedia ada mengambil masa 10 minit untuk merekodkan taburan hujan dan jumlah hujan yang turun namun radar baharu ini mampu merekodkan data yang dikehendaki dalam masa seminit," katanya selepas menghadiri seminar mengatasi banjir melalui kerjasama antara Malaysia dan Jepun di sini semalam.

Hanapi menjelaskan, penggunaan radar itu membolehkan maklumat dan data yang direkodkan dibaca sebelum hujan turun sekali gus membantu penyediaan ramalan hujan lebih awal.

"JPS banyak bergantung kepada radar di Subang yang dikendalikan Jabatan Meteorologi namun perolehan data setiap 10 minit sekali merugikan kami daripada segi masa apatah lagi banjir yang berlaku di Lembah Klang boleh berlaku dalam kadar yang pantas," katanya.

Menurut Hanapi, cerapan maklumat lebih pantas dan kerap penting bagi membolehkan pihaknya merangka pelan efektif bagi mengatasi masalah banjir kilat.

Seminar sehari anjuran Universiti Tenaga Nasional dengan kerjasama Kedutaan Jepun di sini dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah 1 JPS, Datuk Nordin Hamdan. - Bernama